



**JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA**  
**ARAHAH PEGAWAI PENERIMA BIL. 4 / 2023**

Timbalan Pegawai Penerima  
Penolong Kanan Pegawai Penerima  
Penolong Pegawai Penerima

**PENAMBAHBAIKAN FORMAT SURAT NOTIFIKASI AWAL KEPADA BEKAS  
AHLI PERTUBUHAN DAN AGENSI-AGENSI BERKAITAN BAGI KES  
PERTUBUHAN YANG DBATALKAN PENDAFTARANNYA**

**PENGENALAN**

1. Ketua Pengarah Insolvensi (KPI) mempunyai kuasa di bawah Seksyen 17 Akta Pertubuhan 1966 (melalui peruntukan undang-undang kebankrapan dan Pegawai Penerima (PP) melalui peruntukan undang-undang syarikat) untuk menzahirkan dan menghasilkan aset Pertubuhan yang dibatalkan.
2. KPI boleh bertindak dengan menghendaki mana-mana ahli yang mengendalikan Pertubuhan atau mana-mana Pertubuhan, Pemegang Jawatan atau Pekerja Pertubuhan untuk mengemukakan maklumat berkenaan dengan harta, hal ehwal perniagaan atau buku-buku Pertubuhan atau dokumen-dokumen berkaitan.
3. Kesemua harta Pertubuhan serta merta terletak hak (*vested*) kepada KPI untuk diuruskan bagi tujuan pembayaran hutang yang difailkan oleh pemutang ataupun dipindahkan ke satu pertubuhan berdaftar yang baru seperti mana yang ditetapkan dalam perlombagaan pertubuhan yang lama ataupun keputusan majoriti mesyuarat.

## **PROSES KERJA**

4. Dalam menjalankan tugas pentadbiran kes-kes pertubuhan yang dibatalkan, KPI boleh bertindak dengan menghendaki mana-mana bekas ahli Pertubuhan atau mana-mana Pertubuhan, Pemegang Jawatan atau pekerja Pertubuhan untuk mengemukakan maklumat berkenaan dokumen perlembagaan pertubuhan atau undang-undang kecil pertubuhan harta, hal ehwal, perniagaan atau dokumen- dokumen berkaitan kepada KPI.
5. Pada proses awal pentadbiran kes-kes pertubuhan, cawangan akan mengeluarkan surat notifikasi awal atau '*Call Memo*' yang akan dihantar kepada bekas ahli pertubuhan untuk hadir ke cawangan bagi tujuan proses siasatan awal (temu kenal) dan penfailan PHE beserta membawa bersekali dokumen-dokumen syarikat pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh cawangan.
6. Berdasarkan penelitian semasa Naziran Operasi Likuidasi yang telah diadakan di beberapa cawangan, didapati surat notifikasi awal yang dikeluarkan adalah tidak menepati kehendak Manual Prosedur Kerja (MPK) kes-kes pertubuhan yang dibatalkan pendaftarannya.


## **PENAMBAHBAIKAN FORMAT SURAT NOTIFIKASI AWAL**

7. Bagi tujuan penyeragaman kepada semua cawangan, Jabatan telah menyediakan format surat panggilan kepada bekas ahli pertubuhan dan bersekali dengan format surat-surat notifikasi awal kepada semua agensi yang berkaitan selaras dengan MPK Jabatan. Hasil daripada itu, Bahagian Likuidasi telah menyediakan draf format borang temu kenal yang baru dan selanjutnya dibentangkan pada Mesyuarat Subject Matter Expert (SME) Operasi Bil. 2/2023 yang diadakan pada 18.09.2023 dan telah diluluskan oleh pengurusan tertinggi untuk digunakan oleh semua cawangan.
8. Terdapat lima (5) format surat notifikasi awal disediakan untuk digunakan bagi tujuan tersebut iaitu;

- a) Format surat kepada bekas ahli pertubuhan - (**Lampiran A**)
  - b) Format surat kepada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia - (**Lampiran B**);
  - c) Format surat kepada agensi-agensi yang terlibat (seperti POS, Telekom Malaysia, TNB, Syarikat Bekalan Air dan Bank-Bank) – (**Lampiran C**).
9. Dengan ada formatnya yang baru ini, semua cawangan diarahkan untuk menggunakan format yang disediakan oleh ibu pejabat (seperti di **Lampiran A, B dan C**) bagi pengeluaran surat notifikasi awal berkuatkuasa serta merta.

#### KUAT KUASA

10. Arahan ini berkuat kuasa pada **3 Oktober 2023**.



M. BAKRI BIN ABD MAJID  
Pegawai Penerima



Ruj. Kami : PERT(WP)52/2023/J  
Tarikh :

**PENGERUSI**

Encik Mohd Siddiq Bin Md Noor  
Lot 660, Kg Pangkal Gong,  
Machang

**16600 KELANTAN DARUL NAIM**

**BENDAHARI**

Puan Rita Binti Abdul Razak  
Kampung Balung Cocos,  
Po Box 696, Tawau  
**91000 SABAH**

**MELALUI POS BERDAFTAR**

Tuan,

**DALAM PERINTAH PEMBATALAN PERAKUAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN DI BAWAH SEKSYEN 13(1)(c)(v) AKTA PERTUBUHAN 1966 (AKTA 335) & PERATURAN-PERATURAN**

**NAMA PERTUBUHAN** : KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN, KEMENTERIAN KEBAJIKAN MASYARAKAT MALAYSIA

**NO. PENDAFTARAN** : PPM-007-14-03121980

**ALAMAT BERDAFTAR** : JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT MALAYSIA  
WISMA SHEN, TINGKAT 5-16  
JALAN MASJID INDIA  
50100 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas dan surat daripada Jabatan ini kepada pihak tuan bertarikh 01.09.2021 **adalah** berkaitan.

2. Untuk makluman tuan, pendaftaran pertubuhan yang tersebut di atas telah dibatalkan oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia melalui perintahnya yang bertarikh **13.07.2023**. Oleh yang demikian, dengan kuatkuasa undang-undang, segala harta pertubuhan berkenaan adalah terletak hak kepada Ketua Pengarah Insolvensi (KPI) bagi maksud pembatalan hal ehwal pertubuhan tersebut seperti mana yang dinyatakan di bawah Seksyen 17(1) Akta Pertubuhan 1966.

3. Sehubungan itu, sebagai bekas pemegang jawatan pertubuhan berkenaan, pihak tuan dikehendaki bekerjasama dalam perihal pertubuhan berkenaan dengan mengemukakan ke pejabat ini perkara-perkara seperti berikut:

- 3.1 Perlembagaan Pertubuhan;
- 3.2 Satu senarai harta pertubuhan pada tarikh pembatalan;
- 3.3 Satu senarai tanggungan/hutang pertubuhan pada tarikh pembatalan;
- 3.4 Senarai nama-nama ahli pertubuhan pada tarikh pembatalan;;



- 3.5 Semua rekod, fail dokumen pertubuhan dalam simpanan;
- 3.6 Minit-minit mesyuarat pertubuhan;
- 3.7 Buku kira-kira pertubuhan;
- 3.8 Penyata kira-kira pertubuhan dari seorang Juru Audit bertauliah;
- 3.9 Butir-butir semua akaun bank pertubuhan seperti akaun simpanan tetap, akaun semasa dan lain-lain;
- 3.10 Butir-butir kewangan dalam tangan sebelum/pada tarikh pembatalan; dan
- 3.11 Semua dokumen yang berkaitan dengan pertubuhan.

4. Tuan juga diminta hadir ke pejabat ini sebagaimana ketetapan berikut :

**Tarikh** : \_\_\_\_\_

**Masa** : \_\_\_\_\_

**Tempat** : **JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA  
CAWANGAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**  
Aras 22, Menara TH Perdana  
1001, Jalan Sultan Ismail  
**50250 KUALA LUMPUR**

**Agenda** : **Berbincang tentang hal ehwal pertubuhan berkenaan**

5. Kegagalan pihak tuan mengemukakan dokumen-dokumen seperti di Perenggan 3 dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat ini akan menyebabkan KPI berpandangan pihak tuan tidak lagi berminat terhadap pertubuhan dan tindakan penutupan pertubuhan sepenuhnya akan diambil. KPI tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang perkara berbangkit selepas penutupan penuh fail dilaksanakan.

6. Kerjasama tuan dalam perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MOHD FIKRI BIN ARIFF)**

Pegawai Insolvensi

b.p. Ketua Pengarah Insolvensi

E-mel : [fikri.ariff@mdi.gov.my](mailto:fikri.ariff@mdi.gov.my)

No. Telefon : 03-8885 1116



**LAMPIRAN B**

Ruj. Kami : PERT(PJJ) 56/2023/M  
Ruj. Tuan : PPM-007-14-03121980  
Tarikh :

**JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA**  
**WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**  
Aras G, Kompleks Kementerian Dalam Negeri  
Jalan Sri Hartamas 1, Off Jalan Duta  
**50480 KUALA LUMPUR**

Tuan,

**DALAM PERINTAH PEMBATALAN PERAKUAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN DI BAWAH SEKSYEN 13(1)(c)(v) AKTA PERTUBUHAN 1966 (AKTA 335) & PERATURAN-PERATURAN**

**NAMA PERTUBUHAN** : KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN, KEMENTERIAN KEBAJIKAN MASYARAKAT MALAYSIA

**NO. PENDAFTARAN** : PPM-007-14-03121980

**ALAMAT BERDAFTAR** : JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT MALAYSIA  
WISMA SHEN, TINGKAT 5-16  
JALAN MASJID INDIA  
50100 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Saya dengan hormatnya diarahkan merujuk perkara di atas serta Perintah Pembatalan Pertubuhan bertarikh pada 20.07.2023 yang dikemukakan oleh pihak tuan ke cawangan ini adalah berkaitan.

2. Cawangan ini ingin memohon kerjasama daripada pihak tuan untuk membekalkan maklumat-maklumat berikut kepada cawangan ini dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan surat untuk membolehkan cawangan ini mengambil tindakan selanjutnya terhadap Pertubuhan yang tersebut di atas. Maklumat-maklumat yang diperlukan adalah: -

- 2.1 Perlembagaan Pertubuhan;
- 2.2 Satu senarai harta persatuan pada tarikh pembatalan (sekiranya ada);
- 2.3 Satu senarai tanggungan/hutang persatuan pada tarikh pembatalan (sekiranya ada);
- 2.4 Senarai nama ahli-ahli pengurusan tertinggi dan biasa persatuan pada tarikh pembatalan;
- 2.5 Semua rekod, fail dokumen persatuan dalam simpanan (sekiranya ada);
- 2.6 Minit-minit mesyuarat persatuan (sekiranya ada);
- 2.7 Buku kira-kira persatuan (sekiranya ada);
- 2.8 Penyata kira-kira persatuan dari seorang Juru Audit bertauliah (sekiranya ada);
- 2.9 Butir-butir semua akaun bank persatuan seperti akaun simpanan tetap, akaun semasa dan lain-lain (sekiranya ada); dan



- 2.10 Butir-butir wang dalam tangan pada tarikh pembatalan (sekiranya ada).
  - 2.11 Lain-lain dokumen akan datang yang diserahkan oleh pertubuhan kepada Jabatan tuan daripada semasa ke semasa.
3. Kerjasama dan tindakan segera pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MOHD FIKRI BIN ARIFF)**

Pegawai Insolvensi

b.p. Ketua Pengarah Insolvensi

E-mel : [fikri.ariff@mdi.gov.my](mailto:fikri.ariff@mdi.gov.my)

No. Telefon : 03-8885 1116



**LAMPIRAN C**

Ruj. Kami : PERT(PJJ) 56/2023/M  
Tarikh :

**PENGURUS NEGERI**

Pos Malaysia W.P. Kuala Lumpur  
Tkt. 1, Bangunan Pejabat Pos Besar  
Kompleks Dayabumi  
**50670 KUALA LUMPUR**

Tuan,

**DALAM PERINTAH PEMBATALAN PERAKUAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN DI BAWAH SEKSYEN 13(1)(c)(v) AKTA PERTUBUHAN 1966 (AKTA 335) & PERATURAN-PERATURAN**

**NAMA PERTUBUHAN** : KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN, KEMENTERIAN KEBAJIKAN MASYARAKAT MALAYSIA  
**NO. PENDAFTARAN** : PPM-007-14-03121980  
**ALAMAT BERDAFTAR** : JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT MALAYSIA  
WISMA SHEN, TINGKAT 5-16  
JALAN MASJID INDIA  
50100 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Saya dengan hormatnya diarah merujuk perkara di atas.

2. Pendaftaran Pertubuhan di atas telah dibatalkan oleh Pendaftar Pertubuhan, Malaysia dengan perintahnya pada **20.07.2023**. Oleh yang demikian, dengan kuatkuasa undang-undang segala harta pertubuhan berkenaan adalah terletak hak kepada Ketua Pengarah Insolvensi bagi maksud penggulungan hal ehwal pertubuhan tersebut di bawah Seksyen 17(1) Akta Pertubuhan, 1966.

3. Sehubungan itu, sukcita pihak tuan agar mengemukakan semua barang pos, surat berdaftar, bungkusan pos dan sebagainya yang dialamatkan kepada pertubuhan di atas, terus ke Jabatan ini.

4. Sila beri akuan penerimaan surat ini.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MOHD FIKRI BIN ARIFF)**

Pegawai Insolvensi  
b.p. Ketua Pengarah Insolvensi  
E-mel : [fikri.ariff@mdi.gov.my](mailto:fikri.ariff@mdi.gov.my)  
No. Telefon : 03-8885 1116



Ruj. Kami : PERT(PJJ) 56/2023/M  
Tarikh :

**PENOLONG PENGURUS BESAR**

Kumpulan Pemasaran  
Syarikat Telekom Malaysia Berhad  
Tingkat 4, Pejabat Kawasan Tengah  
Jalan Raja Chulan  
**50200 KUALA LUMPUR**

Tuan,

**DALAM PERINTAH PEMBATALAN PERAKUAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN DI BAWAH SEKSYEN 13(1)(c)(v) AKTA PERTUBUHAN 1966 (AKTA 335) & PERATURAN-PERATURAN**

**NAMA PERTUBUHAN** : KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN, KEMENTERIAN KEBAJIKAN MASYARAKAT MALAYSIA  
**NO. PENDAFTARAN** : PPM-007-14-03121980

**ALAMAT BERDAFTAR** : JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT MALAYSIA  
WISMA SHEN, TINGKAT 5-16  
JALAN MASJID INDIA  
50100 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Saya dengan hormatnya diarah merujuk perkara di atas.

2. Pendaftaran Pertubuhan di atas telah dibatalkan oleh Pendaftar Pertubuhan, Malaysia dengan perintahnya pada **20.07.2023**. Oleh yang demikian, dengan kuatkuasa undang-undang segala harta pertubuhan berkenaan adalah terletak hak kepada Ketua Pengarah Insolvensi bagi maksud penggulungan hal ehwal pertubuhan tersebut di bawah Seksyen 17(1) Akta Pertubuhan, 1966.

3. Sehubungan itu, sukacita pihak tuan agar mengemukakan sama ada pertubuhan tersebut ada membuat apa-apa wang pertaruhan dengan tuan bagi bekalan telefon. Sekiranya ada, sila kembalikan wang pertaruhan tersebut kepada Ketua Pengarah Insolvensi.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MOHD FIKRI BIN ARIFF)**

Pegawai Insolvensi  
b.p. Ketua Pengarah Insolvensi  
E-mel : [fikri.ariff@mdi.gov.my](mailto:fikri.ariff@mdi.gov.my)  
No. Telefon : 03-8885 1116



Ruj. Kami : PERT(PJJ) 56/2023/M  
Tarikh :

**AKAUNTAN KANAN**

Kira-kira Pengguna  
Tenaga Nasional Berhad  
8, Jalan Tun Sambanthan  
**50200 KUALA LUMPUR**

Tuan,

**DALAM PERINTAH PEMBATALAN PERAKUAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN DI BAWAH SEKSYEN 13(1)(c)(v) AKTA PERTUBUHAN 1966 (AKTA 335) & PERATURAN-PERATURAN**

<b>NAMA PERTUBUHAN</b>	: KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN, KEMENTERIAN KEBAJIKAN MASYARAKAT MALAYSIA
<b>NO. PENDAFTARAN</b>	: PPM-007-14-03121980
<b>ALAMAT BERDAFTAR</b>	: JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT MALAYSIA WISMA SHEN, TINGKAT 5-16 JALAN MASJID INDIA 50100 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Saya dengan hormatnya diarah merujuk perkara di atas.

2. Pendaftaran pertubuhan di atas telah dibatalkan oleh Pendaftar Pertubuhan, Malaysia dengan perintahnya pada pada **20.07.2023**. Oleh yang demikian, dengan kuatkuasa undang-undang segala harta pertubuhan berkenaan adalah terletak hak kepada Ketua Pengarah Insolvensi bagi maksud penggulungan hal ehwal pertubuhan tersebut di bawah Seksyen 17(1) Akta Pertubuhan, 1966.

3. Sehubungan itu, suka cita pihak tuan agar mengemukakan sama ada pertubuhan tersebut ada membuat apa-apa wang pertaruhan dengan tuan bagi bekalan elektrik. Sekiranya ada, sila kembalikan wang pertaruhan tersebut kepada Ketua Pengarah Insolvensi.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MOHD FIKRI BIN ARIFF)**

Pegawai Insolvensi  
b.p. Ketua Pengarah Insolvensi  
E-mel : [fikri.ariff@mdi.gov.my](mailto:fikri.ariff@mdi.gov.my)  
No. Telefon : 03-8885 1116



Ruj. Kami : PERT(PJJ) 56/2023/M  
Tarikh :

**JURUKIRA**

Syarikat Bekalan Air Selangor  
Tingkat 9, Tower C  
Wisma Goshen, Plaza Pantai  
No. 5 Jalan 8/83A, Jalan Pantai Baru  
**59200 KUALA LUMPUR**

Tuan,

**DALAM PERINTAH PEMBATALAN PERAKUAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN DI BAWAH SEKSYEN 13(1)(c)(v) AKTA PERTUBUHAN 1966 (AKTA 335) & PERATURAN-PERATURAN**

<b>NAMA PERTUBUHAN</b>	: KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN, KEMENTERIAN KEBAJIKAN MASYARAKAT MALAYSIA
<b>NO. PENDAFTARAN</b>	: PPM-007-14-03121980
<b>ALAMAT BERDAFTAR</b>	: JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT MALAYSIA WISMA SHEN, TINGKAT 5-16 JALAN MASJID INDIA 50100 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Saya dengan hormatnya diarah merujuk perkara di atas.

2. Pendaftaran pertubuhan di atas telah dibatalkan oleh Pendaftar Pertubuhan, Malaysia dengan perintahnya pada pada **20.07.2023**. Oleh yang demikian, dengan kuatkuasa undang-undang segala harta pertubuhan berkenaan adalah terletak hak kepada Ketua Pengarah Insolvensi bagi maksud penggulungan hal ehwal pertubuhan tersebut di bawah Seksyen 17(1) Akta Pertubuhan, 1966.

3. Sehubungan itu, sukcita pihak tuan agar mengemukakan sama ada pertubuhan tersebut ada membuat apa-apa wang pertaruhan dengan tuan bagi bekalan air. Sekiranya ada, sila kembalikan wang pertaruhan tersebut kepada Ketua Pengarah Insolvensi

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MOHD FIKRI BIN ARIFF)**

Pegawai Insolvensi  
b.p. Ketua Pengarah Insolvensi  
E-mel : [fikri.ariff@mdi.gov.my](mailto:fikri.ariff@mdi.gov.my)  
No. Telefon : 03-8885 1116



Ruj. Kami : PERT(PJJ) 56/2023/M  
Tarikh :

**PIHAK-PIHAK YANG BERKENAAN**

Tuan,

**DALAM PERINTAH PEMBATALAN PERAKUAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN DI BAWAH SEKSYEN 13(1)(c)(v) AKTA PERTUBUHAN 1966 (AKTA 335) & PERATURAN-PERATURAN**

**NAMA PERTUBUHAN** : KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN, KEMENTERIAN KEBAJIKAN MASYARAKAT MALAYSIA  
**NO. PENDAFTARAN** : PPM-007-14-03121980

**ALAMAT BERDAFTAR** : JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT MALAYSIA  
WISMA SHEN, TINGKAT 5-16  
JALAN MASJID INDIA  
50100 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan, pendaftaran Persatuan tersebut telah dibatalkan oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia dengan perintahnya pada **20.07.2023**. Oleh yang demikian, dengan kuatkuasa undang-undang segala harta pertubuhan berkenaan terletak hak kepada Ketua Pengarah Insolvensi bagi maksud penggulungan hal ehwal pertubuhan tersebut di bawah Seksyen 17(1) Akta Pertubuhan 1966.

3. Sehubungan itu, suacita pihak tuan dapat memaklumkan kepada pihak kami sama ada:

- (a) Pertubuhan tersebut mempunyai apa-apa akaun dengan bank tuan; Sekiranya ada, sila pihak tuan mengambil tindakan menutup akaun-akaun tersebut dan menyerahkan keseluruhan baki wang/kredit berserta penyata akaun pertubuhan. Serahan tersebut hendaklah dikemukakan melalui Bank Deraf atas nama **KETUA PENGARAH INSOLVENSI** dan mengemukakan nama pertubuhan serta nombor rujukan kami di belakang bank deraf tersebut.
- (b) sekiranya akaun tersebut telah ditutup sebelum Perintah Batal dibuat, sila pihak tuan mengemukakan penyata akaun serta baki semasa syarikat pada tarikh akaun tersebut ditutup; dan
- (c) jika pertubuhan mempunyai harta yang dicagarkan kepada pihak tuan, mohon pihak tuan mengemukakan butir-butir cagaran berserta dokumen berkaitan kepada pihak kami. Sila maklumkan juga tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak tuan terhadap harta cagaran berkenaan.

4. Mohon kerjasama pihak tuan untuk memanjangkan makluman dan perkara ini di seluruh cawangan tuan.



5. Perhatian dan maklumbalas segera tuan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MOHD FIKRI BIN ARIFF)**

Pegawai Insolvensi

b.p. Ketua Pengarah Insolvensi

E-mel : [fikri.ariff@mdi.gov.my](mailto:fikri.ariff@mdi.gov.my)

No. Telefon : 03-8885 1116

**1) PENGURUS MAYBANK**

Menara Maybank,  
100, Jalan Tun Perak,  
**50050 KUALA LUMPUR**

**2) PENGURUS CIMB BANK**

17th Floor Menara CIMB  
Jalan Stesen Sentral 2,  
Kuala Lumpur Sentral 5  
**50470 KUALA LUMPUR**

**3) PENGURUS BANK ISLAM**

32nd Floor Menara Bank Islam,  
No.22, Jalan Perak  
**50450 KUALA LUMPUR**

**4) PENGURUS BANK SIMPANAN NASIONAL BERHAD**

Wisma BSN,  
117, Jalan Ampang,  
**50450 KUALA LUMPUR**

**5) PENGURUS AFFIN BANK**

Tingkat 17, Menara Affin,  
No 80, Jalan Raja Chulan,  
**50200 KUALA LUMPUR**



**6) PENGURUS OCBC BANK**

Menara OCBC,  
18 Jalan Tun Perak,  
**50050 KUALA LUMPUR**

**7) PENGURUS HSBC BANK**

Level 21, Menara IQ,  
Lingkaran TRX, Tun Razak Exchange,  
**55188 KUALA LUMPUR**

**8) PENGURUS PUBLIC BANK**

Menara Public Bank,  
146 Jalan Ampang,  
Peti Surat 12542  
**50450 KUALA LUMPUR**

